



063-Tinjauan Reka Bentuk dan Ruang Persekitaran dalam Pelaksanaan Homestay Patuh Syariah di Sabah

***Suhailah Abdul Muin**

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Norcikeyonn Samuni

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Mohd Nor Azan Abdullah

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

*E-mel: drsuhailah@ums.edu.my

ABSTRAK

MOTAC turut memperkenalkan banyak inisiatif baru untuk memajukan Pelancongan Islam di Malaysia, termasuk memperkenalkan program Pengiktirafan Penginapan Mesra Muslim (MFAR). Tinjauan terhadap reka bentuk ruang persekitaran dalam perkhidmatan homestay telah dilaksanakan dalam satu siri kajian rintis bagi memenuhi keperluan dan kehendak penginap muslim dalam usaha memberi pengiktirafan kepada para pengusaha penginapan mesra muslim di Malaysia khususnya di Sabah. Objektif kertas kerja ini adalah untuk meninjau ciri-ciri pengaplikasian homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran meliputi bilik dan juga ruangan bangunan homestay. Selain itu, beberapa cadangan inovasi idea ciri-ciri tambahan yang perlu diaplikasikan dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran berdasarkan kepada tinjauan indikator yang diteliti dalam kajian rintis. Reka bentuk kajian bersifat kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan tiga metod utama iaitu pemerhatian, temubual mendalam dan juga senarai semak (soal selidik). Kajian ini dilaksanakan di (30) buah homestay di tiga kawasan tumpuan pelancong di Sabah iaitu sekitar Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah. Sebanyak (13) indikator yang melibatkan ciri-ciri penginapan patuh syariah di dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran yang telah diteliti. Hasil kajian mendapati bahawa (5) indikator sahaja yang sesuai digunakan dalam tinjauan bagi kajian ini disebabkan oleh ciri-ciri lainnya tidak menepati kapasiti homestay yang hanya bersifat milikan tunggal dan tidak bertaraf hotel. Melalui tinjauan yang dilaksanakan oleh pengkaji, terdapat beberapa inovasi idea baru dicadangkan seperti penyediaan ruang berwudhuk (khas), ruang solat, jumlah bilik tidur dan tempat penyimpanan kasut atau selipar dalam susun atur pelan lantai kemudahan penginapan yang ditawarkan oleh para pengusaha homestay di Sabah.

Kata Kunci: Reka Bentuk, Ruang Persekitaran, Homestay Patuh Syariah, Pelancongan Islam, Sabah



Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai ekosistem ekonomi Islam paling maju di dunia bagi sektor pelancongan halal sejak 2014 hingga 2022 oleh Dinar Standard yang berpangkalan di Amerika Syarikat, (Harakah Daily, 20 Julai 2022). Pelancongan dalam Islam mempunyai perspektif yang luas dan boleh diungkapkan dalam beberapa pecahan istilah. Istilah rehlah, ziyarah, siyahah, umrah dan haji mempunyai pengertian yang umumnya merujuk kepada pelancongan tetapi mempunyai konsep dan pendekatan yang berbeza (Hasan, Mohammad Mahyuddin, dan Mohd Ahsrof, 2010). Konsep pelancongan Islam yang disesuaikan semula berdasarkan kepada tawaran dan permintaan agen pelancongan dan juga pelancong ini telah banyak mendapat perhatian dan galakan daripada banyak pihak agar dikembangkan, (Noor Fiteri dan Masnisah, 2014).

Pelancong Muslim menginginkan perkhidmatan yang membolehkan mereka berjalan tanpa meninggalkan perintah Allah SWT. Datuk Seri Nancy Shukri iaitu Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya memberi jaminan bahawa kerajaan dan pihak berkepentingan industri akan terus mempromosikan pengunjung Islam ke Malaysia sebagai destinasi pelancongan pada masa hadapan termasuk memberi anjakan dalam persekitaran pelancongan, (Utusan Malaysia, 13 Julai 2022). Antara faktor Malaysia kekal menjadi pilihan utama adalah negara ini terkenal dengan masakan halal yang mudah didapati, pantai-pantai yang menakjubkan, budaya yang unik, pengalaman membeli-belah yang indah serta menyediakan pelbagai pakej pelancongan mesra Muslim untuk pelancong meneroka sejarah, seni bina masjid, warisan, gastronomi, alam semula jadi, seni dan budaya.

Patuh syariah bermaksud operasi yang halal dan tidak melibatkan unsur-unsur haram dalam perniagaan. Di dalam Islam, *Islamic Hotel* adalah sesuatu perkara yang baru kerana implementasi syariah ke dalam perniagaan berasaskan perhotelan ini baru diwujudkan berikutan kesedaran pengusaha-pengusaha muslim dalam industri penginapan dan pelancongan. Hotel yang patuh syariah sukar dikenalpasti kerana sistem hotel yang menjurus kepada halal itu tidak cukup melainkan sekaligus dapat mencegah daripada berlakunya perkara haram di dalam hotel. Hotel tidak dapat dikategorikan sebagai perniagaan patuh syariah kerana ketidakpastian (*uncertainty*) yang wujud di dalam operasi perniagaan seperti perlakuan pelanggan dan sebagainya kerana ianya adalah perkara privasi dan selalu melanggar hak individu.

Sorotan Literatur

Nursyahida dan Mohamad Ghazali (2016) mengkaji sistem hotel halal menurut Syariah khusus di negara Malaysia. Kebiasaannya, pengunjung dari negara seperti ini, mereka amat peka dan sangat teliti terutama melibatkan soal Halal. Pendekatan seperti memperkenalkan Amalan Operasi Hotel Patuh Syariah (SCHOP) dalam industri perhotelan dapat membantu memberi keyakinan kepada pelancong kerana konsep ini tidak hanya memastikan Halal dari aspek makanan sahaja malah merangkumi aspek seperti operasi, perkhidmatan, sistem kewangan syarikat dan sebagainya. Kaedah kajian ini menggunakan



kaedah kuantitatif iaitu melakukan proses pengumpulan data melalui hotel, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan lain-lain. Hasilnya terdapat hanya 101 sahaja hotel yang mempunyai sijil Halal yang diiktiraf daripada JAKIM, menunjukkan masih terdapat banyak hotel yang tidak menitik berat dan memahami tentang keperluan konsep hotel Halal patuh Syariah.

Siti Zubaida, *et. al.*, (2016) pula membincangkan aspek penting dalam pelancongan Islam serta hubungannya dengan peluang kerjaya di Malaysia. Pelancongan Islam adalah aktiviti-aktiviti pelancongan berlandaskan undang-undang syariah dan nilai-nilai Islam yang melibatkan pelancong Islam mahupun bukan Islam ke tempat atau Negara Islam. Beberapa perkhidmatan disediakan dalam pelancongan islam iaitu penyediaan hotel mesra halal, perkhidmatan kewangan Islam, perkhidmatan pengangkutan halal, pakej pelancongan Islam, makanan halal dan standard halal. Penawaran produk dan perkhidmatan hospitaliti ini secara tidak langsung telah membuka peluang pekerjaan di Malaysia khususnya bagi melahirkan tenaga pakar dalam industri halal seiring Rancangan Malaysia ke 11.

Hisham, *et. al.*, (2022) dalam kajiannya bertujuan untuk menjelaskan parameter-parameter penginapan dalam PHMM untuk sektor pelancongan berdasarkan standard MS 2610: 2015, kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur dan teks. Hasil kajian ini mendapati bahawa masih terdapat perkhidmatan hospitaliti yang perlu diperkukuhkan untuk memenuhi standard MS 2610: 2015. Oleh itu, kajian ini telah menyumbang dengan mengenal pasti parameter standardisasi dalam pelaksanaan PHMM dalam industri pelancongan di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga turut menjelaskan konsep PHMM dan kriteria yang diukur untuk sektor hospitaliti dan pelancongan di Malaysia, yang diharap dapat meningkatkan kredibiliti organisasi melalui penerapan nilai-nilai murni dalam pengurusan serta memacu pertumbuhan hab pelancongan halal Malaysia ke peringkat global.

Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan penyediaan produk dalam mengembangkan pelancongan islam di Malaysia seperti penyediaan makanan halal, pengurusan kewangan berlandaskan syarak, penginapan mesra muslim. Namun demikian, penelitian penyediaan penginapan patuh syariah daripada jenis homestay khususnya dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran masih lagi kurang diketengahkan dan tidak ditonjolkan oleh para pengkaji di Malaysia. Justeru, pengkaji mengambil peluang untuk menjadikan penelitian ciri-ciri homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran sebagai sebuah kajian perintis dalam mengembangkan lagi industri pelancongan islamik di Sabah.

Objektif Kajian

Terdapat dua (2) objektif yang terdapat dalam kertas kerja kajian ini iaitu;

- i. Meninjau ciri-ciri pengaplikasian homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang;
- ii. Mencadangkan inovasi idea ciri-ciri tambahan yang perlu diaplikasikan dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran homestay patuh syariah.



METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan semasa kajian lapangan ini bersifat data kualitatif yang berbentuk deskriptif, (perkataan lisan atau tulisan). Data kualitatif menerangkan tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan (Taylor dan Bogdan, 1984). Data kualitatif diperoleh daripada tiga jenis data seperti berikut (Patton, 1990):

- i. **Hasil pemerhatian:** Penerangan terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi dan tingkah laku yang diperhatikan di lapangan yang melibatkan gerak kerja pengusaha homestay. Dalam kajian rintis yang dilaksanakan, penggunaan senarai semak (soal selidik) digunakan untuk tujuan tinjauan ciri-ciri reka bentuk dan ruang persekitaran yang diaplikasikan dalam penyediaan perkhidmatan penginapan homestay.
- ii. **Hasil Temubual:** Petikan langsung daripada kenyataan pengusaha homestay tentang pengalaman, sikap, kepercayaan dan pemikiran mereka dalam peluang temu bual mendalam antara pengusaha homestay, kumpulan penyelidik dan agensi yang terlibat.
- iii. **Bahan bertulis:** petikan atau keseluruhan dokumen, surat menyurat, rakaman, dan sejarah penubuhan homestay oleh pengusaha.

HASIL KAJIAN

Jadual 1 menjelaskan profil responden yang terdiri dalam kalangan pengusaha homestay di sekitar Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah. Terdapat lima (5) kategori profil yang diperincikan iaitu jantina, bangsa, agama, umur, dan tahap pendidikan. Jadual 2 pula menerangkan senarai semak ciri-ciri penginapan patuh syariah dalam aspek (Reka bentuk dan ruang persekitaran Bilik, makanan dan minuman).

Jadual 1: Profil Responden (Pengusaha Homestay)

Kategori	Huraian	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	15	50 %
	Perempuan	15	50%
Bangsa	Melayu	5	16.7 %
	Cina	1	3.3 %
	Bumiputera Sabah	22	73.3 %
	Lain-lain	2	6.7 %
Agama	Islam	28	93.3 %
	Kristian	2	6.7 %
Umur	18-30 tahun	6	16.5 %
	31 – 40 tahun	9	29.7 %
	41 tahun ke atas	15	53.8 %
Tahap Pendidikan	Sekolah Menengah	3	9.9 %
	Pra Universiti	2	6.6%
	Diploma	1	3.3%



Universiti 24 80.2 %

N: 30 Orang


Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Jadual 2 : Senarai semak ciri-ciri penginapan patuh syariah
(Reka bentuk dan ruang persekitaran Bilik, makanan dan minuman)

Indikator	Ya (/)	Tidak (x)
Penginap tidak boleh/ tidak pernah membawa alkohol dalam premis	/	
Penyediaan makanan dan minuman yang diharamkan		x
Aktiviti perjudian dan alkohol di dalam lobi premis		x
Penyembelihan secara halal (makanan)		x
Mengasingkan makanan halal dan haram		x
Mengutamakan kebersihan diri dan keselamatan makanan		x
Mempunyai arah kiblat, telekung, sejadah dan Al-Quran	/	
Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat	/	
Mempunyai nota (doa) dalam setiap bilik hotel	/	
Mengharamkan pusat disko dan pelacuran dalam premis		x
Dapur mendapat pensijilan halal oleh badan berauthoriti		x
Sistem pengudaraan dan bilik diselenggara dengan baik	/	
Perkhidmatan bulan Ramadan termasuk (iftar dan sahur)		x

Sumber: Siti Fatma dan Rosmawati, (2015)

Jadual 2 memperincikan indikator yang disenaraikan dalam penelitian ciri-ciri penginapan patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran berdasarkan kepada penyelidik lepas. Walaubagaimanapun, terdapat indikator yang bertanda (x) adalah tidak sesuai digunakan dan digugurkan dalam penelitian kerana ianya hanya sesuai digunakan dalam penelitian penginapan bertaraf hotel. Melalui kajian rintis yang telah dilaksanakan oleh penyelidik mendapati bahawa hanya lima (5) kriteria bertanda (/) sesuai digunakan bagi perkhidmatan penginapan berkapasiti homestay yang bersifat milikan tunggal. Lima (5) indikator yang digunakan dalam tinjauan semasa kajian rintis seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Reka bentuk dan ruang persekitaran (Bilik)


Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan indikator ciri-ciri yang mencatatkan pengaplikasian yang tertinggi adalah pada sistem pengudaraan dan bilik diselenggara dengan baik dengan peratusan penuh (100 %). Manakala, catatan peratusan pengaplikasian ciri-ciri yang paling rendah adalah dalam aspek penyediaan nota (doa) dalam setiap bilik homestay bersamaan (13.3 %) atau diwakili 4 buah homestay daripada 30 buah homestay yang dikaji. Secara keseluruhan, daripada lima (5) indikator ciri-ciri yang dikemukakan, hanya satu (1) sahaja indikator yang mencapai tahap pengaplikasian penuh (100 %), dan empat (4) lagi indikator tidak mencapai pengaplikasian penuh ciri-ciri homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran (bilik), (Suhailah, *et. al.*, 2022).

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada penelitian ciri-ciri homestay patuh syariah seperti yang diperincikan dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa hanya satu (1) daripada lima (5) indikator dalam ciri-ciri reka bentuk dan ruang persekitaran mencapai pengaplikasian penuh. Secara rumusannya, pengaplikasian ciri homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran adalah tidak mencapai kepada pematuhan secara total, (Suhailah, *et. al.*, 2022). Hal ini memberikan gambaran bahawa, terdapat kelompongan dalam penyediaan penginapan homestay patuh syariah kepada para pelancong muslim yang perlu diberikan perhatian oleh pengusaha homestay serta pihak-pihak berwajib seperti *Islamic Tourism Centre (ITC)*, Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Sabah (MOTAC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Kajian rintis di 30 buah homestay sekitar Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna telah mencetuskan inovasi


idea bagi mengembangkan lagi ciri-ciri homestay patuh syariah dalam aspek reka bentuk dan ruang persekitaran (bilik). Tiga inovasi idea perlu ditambah dalam lakaran reka bentuk dan ruang persekitaran yang tidak diketengahkan dalam indikator pada Jadual 3 adalah menyediakan ruangan khas solat, tempat berwudhuk khas dan juga ruangan simpanan kasut seperti pada Rajah 2 dan 3.



Rajah 2: Ilustrasi Penginapan Patuh Syariah (Homestay) Untuk Sebuah Keluarga
 Sumber: Penyelidik (2022)

Petunjuk;

Simbol	Makna
	Pintu
	Tingkap
	Rak kasut
	Ruang Wudhuk



Rajah 2: Ilustrasi Bilik Patuh Syariah (Homestay) Untuk Individu/ Berpasangan
 Sumber: Penyelidik (2022)

Merujuk kepada Rajah 2 ialah ilustrasi homestay di mana tetamu berada dalam situasi sebuah keluarga. Sekurang-kurangnya terdapat tiga bilik yang disediakan di homestay yang disewa iaitu bilik tidur 1 dikhaskan untuk (ibu bapa), bilik tidur 2 (anak perempuan) dan bilik tidur 3 (anak lelaki). Tujuan utama mengasingkan katil antara anak-anak adalah didikan ibu bapa kepada anak dalam menjaga batas aurat walaupun sesama ahli keluarga. Ini juga bertujuan sebagai langkah berjaga-jaga terhadap fitnah atau timbulnya nafsu walaupun dalam kalangan adik beradik.

Rasulullah S.A.W. berkata:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا، وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرَّقُوا
 بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: "Perintahkanlah anak-anak kamu mengerjakan solat apabila mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka apabila mereka berumur sepuluh tahun, dan pisahkan tempat tidur di antara mereka."

Diriwayatkan oleh Ahmad (6689) Abu Daud (495) dan al-Albani

Selain itu, bilik air khas turut diletakkan di setiap bilik bagi tujuan memelihara batas aurat dan juga untuk keselesaan individu. Penyediaan ruang wuduk khas lelaki dan wanita juga perlu disediakan bagi memelihara kesucian ibadah dan juga kemudahan sekiranya terdapat ramai individu di tempat penginapan tersebut. Selain itu, penyediaan ruang solat berjemaah khas yang berdekatan dengan ruang tamu yang luas juga perlu untuk keselesaan jemaah menunaikan solat

fardhu dan melakukan aktiviti keagamaan lain seperti tazkirah, bacaan yaasin dan tahlil serta lain-lain. Ini selaras dengan dalil menegaskan akan pentingnya menjaga kebersihan diri dan persekitaran atau kawasan: Firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan shalat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai dengan siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua mata kaki, dan jika kamu junub maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air (kakus) atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur.

(Q.S Al-Maidah, 6: 6).

Ini menunjukkan bahawa kewajipan untuk membersihkan hadas kecil dan hadas besar, setelah berhubungan suami isteri, setelah haid dan melahirkan bagi wanita bagi lelaki jika mengalami junub. Ini kerana sebelum mandi wajib, maka belum diperbolehkan melaksanakan solat, kecuali dalam beberapa hal pengecualian seperti sedang mengalami penyakit berat, atau saat tidak tersedia air.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa indikator baharu yang telah diwujudkan dalam usaha memperkasakan model homestay patuh syariah khususnya dari segi reka bentuk dan ruang persekitaran (bilik) iaitu (1) mewujudkan ruang solat khas (bilik persegi). di dalam bilik tidur, terutamanya bagi mereka yang menyewa bilik sahaja. Berdasarkan tinjauan di lapangan didapati hanya papan tanda kiblat diletakkan di atas siling tetapi tiada ruang solat yang ditetapkan. Ini menyebabkan penginap terpaksa mencari ruang yang sesuai dengan keadaan dan susun atur bilik. Ini juga menimbulkan kebimbangan dalam aspek kebersihan (*alnazafa*). Kebersihan yang dituntut Islam bukan hanya membabitkan diri sendiri, bahkan persekitaran yang dikelilingi pelbagai makhluk Allah. Umat Islam bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran kerana ia termasuk perkara yang menzahirkan kasih sayang. Selain itu, tiada pemisahan kawasan di mana kasut atau selipar diletakkan di hadapan pintu. Oleh itu, cadangan susun atur bilik tidur adalah disyorkan untuk mengasingkan kawasan bilik dengan rak kasut bagi mengelakkan bahagian bilik daripada tercemar dengan kotoran (najis) dari luar seperti ilustrasi susun atur penunjuk baharu yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Perkara tersebut di atas bertepatan dengan dalil dalam Q.S al-Baqarah 3:222 yang berbunyi:

i-STET2022

SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH ISLAMI

"Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban"

19 OKTOBER 2022 DALAM TALIAN

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: "Haid itu adalah suatu kotoran. Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid; dan janganlah kamu mendekati mereka, sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri.

(Q.S. Al-Baqarah 3: 222).

Ayat ini menunjukkan pentingnya pengaturan kawasan, bilik, tempat solat khusus, bilik mandi, tempat wudhuk khusus sebagai langkah untuk mengamalkan kebersihan yang berkekalan agar pelaksanaan ibadah yang lebih sempurna dan kekal mengamalkan kebersihan yang berterusan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, reka bentuk dan ruang persekitaran adalah merupakan komponen utama yang perlu diberikan perhatian secara menyeluruh oleh para pengusaha penginapan homestay yang terlibat dalam kajian kerana dapatan menunjukkan bahawa ianya tidak diaplikasikan secara menyeluruh. Dalam usaha membantu para pengusaha mendapatkan pengiktirafan sebagai Penginapan Mesra Muslim (MFAR) oleh MOTAC dan ITC, advokasi secara komprehensif melalui penyertaan pengusaha homestay dalam sesi bengkel dan seminar untuk mempelajari keterangkuman ciri-ciri penginapan berlandaskan patuh syariah perlu digerakkan dan dijayakan. Justeru, kelompongan dalam pengaplikasian ciri-ciri penginapan patuh syariah oleh para pengusaha homestay yang terlibat dapat segera ditambah baik dalam memastikan para pelancong dan penginap mendapat perkhidmatan berlandaskan syarak yang mengutamakan keredhaan Allah SWT.

PENGHARGAAN

Melalui pembiayaan Geran Skim Dana Khas (SDK0336-2022) yang disalurkan oleh Universiti Malaysia Sabah, kajian ini mula dapat dilaksanakan sesuai dengan perancangan dalam rangka kerja penyelidikan. Terima kasih di atas pembiayaan kewangan penyelidikan ini dan tidak lupa juga kepada para pengusaha homestay sebagai responden yang terlibat sepanjang kajian dijalankan iaitu melibatkan Bandaraya Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah.



RUJUKAN

Al-Quran al-Karim dan terjemahan

Harakah Daily. (20 Julai 2022). Pelancongan Islam Berpotensi Besar Maju Di Malaysia.

Hasan, B., Mohammad Mahyuddin, K., Mohd Ahsrof, Z. Y. (2010). *Pelancongan Dari Perspektif Islam: Analisis Pendekatan Fiqh*. Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan Islam 2010. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara. Pp. 1–17.

Hisham, S., Latifah, M., Khairil, F. K., Mohamad Yazis, A.B., Junaidah, A. S., Nazratul, A. M. A. (2022). Kriteria Penginapan Dalam Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (Phmm) Bagi Sektor Pelancongan Di Malaysia. *International Journal Of Islamic Studies (Al-Qanatir)*. Vol. 26. No.1. Pp 22-36.

Noor Fiteri, A., Masnisah, M. (2014). *Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam 2014.

Nursyahida, J., Mohamad Ghazali, H. (2016). Menganalisis Isu Halal Terhadap Sektor Perkhidmatan Hotel Di Malaysia. *International Journal of Business and Social Science* (2016). Pp 12-20.

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

Siti Fatma, M., Rosmawati, M. R. (2015). *Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Siti Zubaida, R. Muslihah, M., Zanariah, A., Noraini, A. R. (2016). Peluang Kerjaya Dalam Industri Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Jurnal Hospitaliti dan Jaringan*. Vol. 1. (2016). Pp 91-102.

Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd Nor Azan, A., Ahmad Tarmizi, A. R. (2022). *Pengaplikasian Ciri-Ciri Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Dalam Memperkasakan Pelancongan Islamik Di Sabah*. The International Borneo Innovation, Exhibition & Competition (IBIEC). 19-20 Oktober 2022. Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK).

Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Ahmad Tarmizi, A. R., Issraq, R., Sainie @ Saini, A., Mikdar, R. (2022). *Tinjauan Isu Ruangan Dan Cadangan Langkah Memperkasakan Perkhidmatan Penginapan Dalam Kalangan Pengusaha Homestay Patuh Syariah Di Sabah*, 2nd Langkawi International Conference on Advanced Research 2022, 8 October 2022, Langkawi, Malaysia.

Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Ahmad Tarmizi, A. R., Mohd Nor Azan, A., Mikdar, R. (2022). *Homestay Berasaskan Patuh Syariah Dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan*, 4th Kuala Lumpur International Conference on Multi-Disciplinary Research 2022, 17 September, 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.

Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd. Dahlan, A. M., Dzurizah, I., Jalihah, M. S., Mohd Nor Azan, A., Mardyawati, M. A. (2022). *Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah*. 4th Kuala Lumpur International Conference on Multi-Disciplinary Research 2022, 17 September, 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.



Taylor, S. J., Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.
Utusan Malaysia. (13 Julai 2022). Malaysia Kekal Pilihan Utama Pelancongan Halal.